

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JANUARI 2023

1. MAJLIS BACAAN YASIN PERDANA AWAL TAHUN 2023

Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam JANM (JHEAIN) menganjurkan Majlis Bacaan Yasin Perdana Awal Tahun 2023 pada 06 Januari 2023 (Jumaat) bertempat di Surau Al-Khawarizmi, Aras 6, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Warga JANM Pulau Pinang turut sama-sama menyertai majlis tersebut yang bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang.



Hebahan Majlis



Sebahagian warga JANMPP di dalam Bilik Mesyuarat



Melalui Live Streaming JANM

2. MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU (ANM) 2023.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menganjurkan Majlis Amanat Tahun Baharu (ANM) 2023 pada 09 Januari 2023 (Isnin) bertempat di Dewan Serbaguna Aras 7, JANM & Live Streaming bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi. Semua warga JANM Pulau Pinang dijemput mendengar amanat YBhg.Datuk Dr. Yacob bin Mustafa (C.A.M), Akauntan Negara Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang melalui pautan Live Streaming.

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023

TARIKH
9 JANUARI 2023 (ISNIN)

MASA
08:30 PAGI

TEMPAT
DEWAN SERBAGUNA ARAS 7, JANM

YBHG. DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M)
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

www.anm.gov.my | Jabatan Akauntan Negara Malaysia | official_janm | Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Hebahan Majlis



Sebahagian warga JANM Pulau Pinang di dalam Bilik Mesyuarat



Sebahagian warga JANM Pulau Pinang yang berada di Bilik Mesyuarat

3. BENGKEL PEMURNIAN PEMBAYARAN & TERIMAAN UNIT PENGURUSAN DANA

Unit Penilaian Prestasi JANM Pulau Pinang telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Pembayaran dan Terimaan Unit Pengurusan Dana pada 09 Januari 2023 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Bengkel ini telah dijalankan secara bersemuka di Bilik Mesyuarat, JANM Pulau Pinang. Seramai 14 orang pegawai dari Unit Pengurusan Dana telah menghadiri bengkel ini.



Gambar para peserta yang terlibat



4. PROGRAM TAUTAN KASIH

Kelab Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pulau Pinang (KEJAP) telah menganjurkan Program Tautan Kasih pada 14 Januari 2023 bertempat di Sedim Riverside, Kedah bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang yang telah dihadiri seramai 184 orang termasuk ahli keluarga KEJAP. Program ini bertujuan untuk suai kenal dan mengeratkan silaturahmi sesama ahli keluarga KEJAP.



Sebahagian warga JANM Pulau Pinang bersama ahli keluarga



Sukaneka



Sukaneka




Sukaneka

5. EKSPLORASI MINDA JANM BIL 1/2023 BERTAJUK KESEJAHTERAAN KEWANGAN “RINGGIT SENTAP KASI MANTAP”

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menganjurkan Kursus Eksplorasi Minda Bertajuk Kesejahteraan Kewangan “Ringgit Sentap Kasi mantap” pada 26 Januari 2023 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang secara atas talian melalui peranti di tempat masing-masing. Seramai 52 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Lifesize*.



Hebahan Majlis



Melalui Live Streaming JANM

6. PROGRAM TAKAFUL KHAS PENJAWAT AWAM - MYCUEPACS CARE

Cuepacs telah menganjurkan Program Takaful Khas Penjawat Awam – mycuepacs care pada 27 Januari 2023 bertempat di Bilik Latihan, Tingkat 40 JANM P.Pinang bermula jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari yang telah dihadiri 22 orang pegawai. Program ini adalah *alternative* kepada penjawat awam bersama keluarga untuk memiliki perlindungan takaful mampu milik dengan nilai perlindungan yang komprehensif.

PROGRAM TAKAFUL KHAS PENJAWAT AWAM

myCUEPACS Care
Mentakafulkan Setiap Penjawat Awam

TAKLIMAT
myCUEPACS Care

27 JANUARI 2023 (JUMAAT) | **8.30 PAGI**

**DEWAN AUDITORIUM,
JABATAN AKAUNTAN NEGARA
NEGERI PULAU PINANG**

Sila bawa salinan kad pengenalan dan slip gaji terkini.

**BERSAMA MELINDUNGI WARGA PENJAWAT AWAM
KUNJUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT
LENGKAP PERLINDUNGAN**

PENCAPAIAN KAMI

MyCuepacsCare merupakan alternatif kepada penjawat awam bersama keluarga untuk memiliki perlindungan takaful mampu milik dengan nilai perlindungan yang komprehensif.

| | | | |
|------------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------|--------------------|
| 110,000 Penerima Manfaat | RM400 JUTA Nilai Tuntutan | 600,000 Jumlah Peserta | MAMPU MILIK |
|------------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------|--------------------|

| | |
|-----------------------------------|------------------------------|
| 1 Melindungi Sesi Keluarga | 1 Tinggi Nilainya |
| 2 Mudah Digunakan | 2 Perlindungan 24 Jam |
| 3 Manfaat Komprehensif | 3 Mampu Dimiliki |
| 4 Mampu Dimiliki | 4 Mudah Disertai |
| 5 Mudah Disertai | 5 Khairat Kematian |

Hebahan Majlis



Pegawai dari Cuepacs yang menyampaikan taklimat



Sebahagian warga JANM Pulau Pinang

7. PROGRAM SARINGAN KESIHATAN JANM PULAU PINANG

Program Saringan Kesihatan JANM Pulau Pinang telah dijalankan pada 27 Januari 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang bermula jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengahari. Program saringan ini melibatkan seramai 70 orang pegawai diwajibkan untuk menjalani Saringan Kesihatan. Program Saringan Kesihatan ini diadakan sebagai salah satu program kebajikan untuk pegawai-pegawai JANM Pulau Pinang. Selain itu Pemeriksaan Payudara dan *Pap Smear* juga diadakan dan ianya terbuka kepada pegawai wanita berumur 30 tahun ke atas yang berminat.



Hebahan Majlis



Pegawai Kesihatan yang terlibat



Pengarah dan Timbalan Pengarah menjalankan pemeriksaan kesihatan



Bergambar bersama barisan Kementerian Kesihatan